

**SULIT**



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER II  
SESI 2014/2015**

NAMA KURSUS : AKIDAH KETUHANAN DAN SAINS

KOD KURSUS : UWA 10502

PROGRAM : 1 DAA/ DAB/ DAE/ DAJ/ DAK/  
DAM/ DAR/ DAT/ DAU  
2 DAE

TARIKH PEPERIKSAAN : JUN 2015 / JULAI 2015

JANGKA MASA : 2 JAM

ARAHAN : A) JAWAB **SEMUA** SOALAN  
DALAM BORANG OMR  
YANG DISEDIAKAN  
B) DILARANG MEMBAWA  
KERTAS SOALAN INI KELUAR  
DARI DEWAN PEPERIKSAAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **SEMBILAN BELAS (19)** MUKA SURAT

**SULIT**

- S1 Siapakah tokoh yang mendefinisikan manusia sebagai “Binatang yang berkaki dua tanpa bulu pelepah”?
- A Plato
  - B Socrates
  - C Diogenes
  - D Titus dan Smith
- S2 Siapakah manusia menurut pandangan agama Islam?
- A Makhluk yang diciptakan oleh tuhan berdasarkan imej tuhan
  - B Makhluk yang diciptakan oleh tuhan dan dihantar untuk berkhidmat kepada tuhan
  - C Makhluk yang diciptakan untuk menjadi anak kepada persekitaran (*al-insan ibn al-bi'ah*)
  - D Makhluk yang paling mulia yang diciptakan untuk beribadat dan mempunyai tanggungjawab kepada tuhan penciptanya
- S3 Apakah unsur-unsur ciptaan manusia seperti yang disebut dalam al-Quran dan al-Hadith?
- A Air dan tanah hitam
  - B Air sungai dan tanah liat
  - C Air dan pati tanah yang liat, panas dan keras
  - D Air tawar bercampur air masin dan tanah merah
- S4 Manakah pernyataan yang tidak menjelaskan mengenai ciri-ciri manusia?
- A Makhluk yang mempunyai akal dan rohani
  - B Salah satu jenis daripada pelbagai jenis haiwan
  - C Makhluk yang mempunyai pelbagai sifat yang istimewa dan baik
  - D Makhluk yang berasal dari percantuman berbagai jenis air dan tanah liat
- S5 Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan *ad-Din*?
- A Cara hidup
  - B Cabaran hidup
  - C Keselamatan hidup
  - D Kesejahteraan hidup

- S6** Manakah pernyataan yang tidak menjelaskan mengenai pandangan sains terhadap manusia?
- A Manusia dan segala aktivitasnya adalah ditentukan oleh undang-undang fisik dan kimia
  - B Manusia adalah makhluk yang paling mulia dan mempunyai tanggungjawab kepada Tuhannya
  - C Manusia dilihat hanyalah sebagai satu bentuk hidupan “yang lebih tinggi” berbanding dengan hidupan dan benda yang lain
  - D Manusia dilihat sebagai satu agen perubahan dalam bertingkah laku yang meliputi aspek emosi, pemikiran dan pergerakan atau perbuatan
- S7** Apakah kitab suci bagi agama Brahma?
- A Veda
  - B Avesta
  - C Agamas
  - D Tripitaka
- S8** Apakah kitab suci bagi agama Buddha?
- A Veda
  - B Avesta
  - C Agamas
  - D Tripitaka
- S9** Apakah agama yang bukan berasal dari Asia Barat?
- A Islam
  - B Yahudi
  - C Kristian
  - D Zarathustra
- S10** Apakah agama yang bukan berasal dari Asia Timur?
- A Sikh
  - B Jaina
  - C Shinto
  - D Yahudi

S11 Siapakah pengasas agama Tao?

- A Mo Tze
- B Lao Tze
- C Kong Fu Zhe
- D Kong Hu Chu

Soalan 12 merujuk kepada Pernyataan 1.

**Pernyataan 1**

“Agama adalah kepercayaan dan kewujudan *supernatural beings* dan amalan yang diasosiasikan dengannya.”

S12 Berdasarkan Pernyataan 1 di atas, siapakah tokoh yang menerangkan tentang maksud agama?

- A Collins
- B Johnstones
- C J.M Yinger
- D Glock dan Stark

S13 Apakah agama yang diasaskan oleh Guru Nanak?

- A Sikh
- B Jaina
- C Brahma
- D Buddha

S14 Apakah kitab suci bagi agama Sikh?

- A Jot
- B Bodhi
- C Nanak
- D Adi Granth



Soalan 15 dan 16 berdasarkan kepada pilihan jawapan A, B, C dan D di dalam Jadual 1 dibawah.

**Jadual 1**

A	Sikh
B	Islam
C	Kristian
D	Konghuchu

- S15** Agama ini diasaskan pada tahun 554SM dan mempunyai kitab suci iaitu Lun Yu.
- S16** Agama ini diasaskan pada tahun 570M dan mempunyai kitab suci iaitu al-Quran.
- S17** Apakah dua pembahagian agama yang telah dinyatakan oleh sarjana Islam?
- A Agama timur dan agama barat
  - B Agama dunia dan agama akhirat
  - C Agama langit dan agama budaya
  - D Agama tuhan dan agama manusia
- S18** Manakah pernyataan yang tidak menjelaskan mengenai unsur-unsur penting agama?
- A Simbol-simbol dan nilai-nilai agama
  - B Kepercayaan dan kewujudan *supernatural beings*
  - C Amalan-amalan yang menuju kepada *supernatural beings*
  - D Perbuatan-perbuatan yang menumpukan kepada kemewahan hidup
- S19** Siapakah yang mengaitkan kepercayaan manusia dengan *soul* atau semangat yang terdapat pada diri orang yang telah mati dalam teori animisme.?
- A J.M. Yinger
  - B Edward Norbeck
  - C Sir Edward Bruno
  - D Sir Edward Burnett Tylor

**S20** Apakah maksud perkataan *al-Ilah* atau tuhan dari segi bahasa?

- I Pengabdian
- II Perlindungan
- III Kecenderungan
- IV Mengharap pertolongan

- A I, II dan III sahaja
- B I, III dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

**S21** Apakah takrif *al-Ilah* yang dikemukakan oleh Abu A'la al-Mawdudi?

- I Yang disembah oleh manusia
- II Berkuasa memberi perlindungan
- III Berdoa dan bertawakal kepadaNya
- IV Yang berkuasa menyempurnakan keperluan hidup manusia

- A I, II dan III sahaja
- B II, III dan IV sahaja
- C I, II dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

**S22** Apakah takrif *al-Ilah* menurut Ibnu Taimiyyah?

- I Yang berhak disembah
- II Yang berhak tunduk kepadaNya
- III Yang dipuja dengan penuh kecintaan hati
- IV Yang berhak direndahkan diri di hadapanNya

- A I, II dan III
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

**S23** Manakah pernyataan yang tidak menjelaskan mengenai akidah Islam?

- A Keimanan terhadap Allah S.W.T.
- B Menjadi tunjang kepada kedudukan Islam sebagai *al-Din*
- C Penampilan tingkahlaku yang bermoral dalam kehidupan seharian
- D Keimanan terhadap segala ajaran yang diwahyukan melalui RasulNya

- S14** Manakah pernyataan yang tidak menjelaskan tentang hubungan akidah dengan fitrah manusia?
- A Kecenderungan manusia untuk mengesakan Tuhan
  - B Naluri beragama hanya terjadi apabila manusia mencapai usia dewasa
  - C Manusia difitrahkan oleh Allah S.W.T. dalam dirinya naluri berakidah
  - D Akidah Islam merupakan satu-satunya akidah yang sesuai dengan fitrah manusia
- S25** Apakah pengertian *al-ilah* mengikut Ibn Qayyim al-Jauziyyah?
- A Yang dipuja, diagungkan, diharapkan dapat memberi kemaslahatan atau kegembiraan
  - B Yang disembah oleh manusia yang berkuasa menyempurnakan keperluan hidup manusia
  - C Yang mempertuhankan oleh hati-hati dengan perasaan cinta, keagungan, kemuliaan perendahan diri, takut, mengharap dan tawakal
  - D Yang berhak disembah, yang dipuja dengan penuh kecintaan hati, tunduk kepada-Nya, merendahkan diri di hadapanNya, takut dan mengharapNya
- S26** Apakah maksud politeisme?
- A Kepercayaan kepada banyak tuhan
  - B Kepercayaan kepada tuhan yang satu
  - C Sembah satu tuhan, tidak nafi yang lain
  - D Menyembah beberapa tuhan yang dipilih
- S27** Antara berikut yang manakah tidak menjelaskan mengenai pembuktian wujudnya monoteisme dan politeisme?
- A *Verbal stories*
  - B Wahyu dan kitab
  - C Rujukan dan siasatan
  - D *Scriptures* dan *hymms*
- S28** Apakah ciri agama langit?
- A *Monotheism practice*
  - B *Absolute monotheism*
  - C *Monotheism in theory*
  - D *Speculative monotheism*

- S29** Manakah pernyataan yang menjelaskan tentang monoteisme dalam agama langit?
- A Kelahiran yang jelas
  - B Masa yang tidak diketahui
  - C Mempunyai latar belakang penurunan
  - D Terbuka untuk masyarakat berbilang kaum
- S30** Manakah merupakan konsep ketuhanan yang satu?
- A *Absolute polytheism*
  - B *Absolute monotheism*
  - C *Monotheism in theory*
  - D *Monotheism in practice*
- S31** Mengapakah agama Yahudi membataskan penganutnya untuk suatu bangsa sahaja?
- A Kekurangan ahli agama
  - B Ketuhanan untuk bangsa mereka
  - C Berlaku penentangan terhadap penyebaran agama
  - D Berlaku penghijrahan golongan muda ke luar negeri
- S32** Mengapakah agama Islam tidak sama dengan *polytheism* ataupun *monotheism in theory*?
- A Ajaran Islam untuk bangsa tertentu
  - B Terdapat kerajaan langit dalam agama
  - C Terdapat banyak tuhan dalam agama Islam
  - D *Absolute Monotheism* ataupun ketauhidan mutlak terhadap Allah S.W.T.

Soalan 33 dan 34 berdasarkan Pernyataan 2.

**Pernyataan 2**

Mempercayai bahawa Allah S.W.T. adalah Tuhan yang Maha Esa, yang wajib disembah. Allah S.W.T. juga yang menjadikan, memiliki dan mentadbir alam serta isinya, tiada makhluk lain yang serupa.

- S33** Apakah bentuk kepercayaan monoteisme yang dijelaskan dalam Pernyataan 2?
- A Praktis
  - B Mutlak
  - C Teoritis
  - D Spekulatif

- S34** Apakah kalimah yang dilafazkan untuk menyatakan kepercayaan tersebut?
- A Doa
  - B Akad
  - C Salam
  - D Syahadah
- S35** Mengapakah konsep ketuhanan tidak dibincangkan dalam agama Buddha?
- A Pengasasnya melarang pengikut memikirkan perkara mengenai ketuhanan
  - B Pengasasnya lebih memberi penumpuan kepada aspek etika dan ajaran-ajaran moral
  - C Penganut Buddha lebih mementingkan perbincangan untuk melakukan kebaikan sesama makhluk
  - D Penganut Buddha mendapati perbincangan mengenai ketuhanan sukar untuk difahami oleh manusia biasa
- S36** Manakah pernyataan yang tidak menjelaskan mengenai kepentingan kedudukan salib dalam kalangan penganut Kristian?
- A Lambang kasih sayang
  - B Penyaliban Jesus adalah rukun iman
  - C Salib menjadi pusat tumpuan dalam gereja
  - D Mempunyai hubungan dengan penyaliban Jesus
- S37** Apakah nama tuhan dalam konsep Trimurti?
- A Brahma, Indra dan Agni
  - B Brahma, Siva dan Vishnu
  - C Brahma, Siva dan Varuna
  - D Brahma, Agni dan Varuna
- S38** Apakah nama-nama tuhan bagi agama Sikh?
- I Nam
  - II Sirguna
  - III Nirguna
  - IV Nirvana
- A I dan II sahaja
  - B I, II dan III sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV



**S39** Manakah merupakan nama-nama tuhan yang terkenal dalam agama Hindu?

- I Agni
  - II Indra
  - III Varuna
  - IV Nirvana
- 
- A I dan II sahaja
  - B I, II, III sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**S40** Apakah agama yang berpandangan bahawa kehidupan manusia adalah berasaskan *Karma*?

- A Islam dan Yahudi
- B Hindu dan Buddha
- C Shinto dan Buddha
- D Kristian dan Konfisius

**S41** Siapakah bukan tokoh barat yang memberikan maksud agama?

- A Collins
- B J.M. Yinger
- C Edward Farmer
- D Glock dan Stark

**S42** Apakah agama yang berasal dari Asia Tengah dan Selatan?

- I Sikh
  - II Buddha
  - III Brahma
  - IV Zarathustra
- 
- A I dan II sahaja
  - B I, II dan III sahaja
  - C I, II dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV



**S43** Apakah hujah yang digunakan dalam menyelewengkan konsep tauhid?

- I *Monotheism in theory*
- II *Monotheism in practice*
- III *Speculative monotheism*
- IV *Acceptability monotheism*

- A I, II dan III sahaja
- D I, II dan IV sahaja
- C I, III dan IV sahaja
- B I,II, III dan IV

**S44** Manakah yang tidak menjadi sumber menegakkan konsep tauhid?

- A Wahyu
- B Ahli ibadat
- C Kitab-kitab
- D Suhuf-suhuf

**S45** Apakah unsur-unsur negatif syirik terhadap kehidupan manusia?

- I Mengikat manusia dengan kepercayaan tahyul yang pelbagai
- II Konsep balasan selepas mati, dimasukkan ke dalam neraka dan kekal di dalamnya
- III Satu kezaliman terhadap diri sendiri kerana memperhambakan diri kepada selain daripada tuhan yang satu
- IV Menerbitkan rasa takut yang tidak berpenghujung kerana kepercayaan terhadap pelbagai tuhan yang tidak jelas asal-usul dan tindakannya

- A I, II dan III sahaja
- B I, II, dan IV sahaja
- C I, III, dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

**S46** Apakah ciri- ciri agama Islam sebagai agama Samawi?

- I Namanya diberikan oleh Allah S.W.T.
- II Mempunyai rasul sebagai utusan Allah S.W.T.
- III Diturunkan oleh Allah S.W.T kepada bangsa Arab
- IV Al-Quran sebagai kitab rujukan yang diturunkan oleh Allah S.W.T.

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

- S47** Mengapakah ajaran Sikh dikatakan mempunyai unsur agama Islam?
- A Larangan penyembahan berhala
  - B Kitab agama dalam Bahasa Urdu
  - C Ajarannya berteraskan keesaan tuhan
  - D Penganjuran amalan perayaan Islam
- S48** Apakah perkataan Bahasa Arab yang merupakan asal kepada perkataan ilmu?
- A *I'lam*
  - B *'Alima*
  - C *'Alama*
  - D *Ma'lum*
- S49** Apakah pembahagian ilmu dalam Islam dari aspek hubungan dengan syariat?
- A Ilmu Aqli dan Ilmu Naqli
  - B Ilmu Kasbi dan Ilmu Laduni
  - C Ilmu Syariat dan Ilmu Aqliyyah
  - D Ilmu Fardu Ain dan Ilmu Fardhu Kifayah
- S50** Apakah sumber ilmu yang paling utama dalam Islam?
- A Akal
  - B Ilham
  - C Wahyu
  - D Pancaindera
- S51** Siapakah tokoh yang tidak melahirkan idea tentang Gagasan Pengislaman Ilmu (*Islamization of Knowledge*)?
- A Profesor Fazlur Rahman
  - B Profesor Ismail al-Faruqi
  - C Profesor Syed Ghazali Sheikh al-Idris
  - D Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas
- S52** Manakah pernyataan yang tidak menjelaskan konsep kesepaduan ilmu?
- A Allah S.W.T. sebagai sumber ilmu
  - B Sebagai tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan Allah S.W.T.
  - C Berlakunya perkaitan antara bidang-bidang ilmu secara zahir dan maknawi
  - D Natijah kesepaduan ilmu akan menjadikan manusia yakin untuk mencipta aliran pemikiran yang terkini mengikut keperluan semasa

- S53** Apakah pengertian ilmu menurut perspektif Barat?
- A Ketibaan makna ke dalam jiwa pencari ilmu
  - B Mengiktiraf ilmu yang merangkumi lahiriah dan batiniah
  - C Mengakui kewujudan perkara lain diluar kemampuan pancaindera
  - D Pengenalan yang jelas terhadap fakta yang bersifat zahir dan empiris
- S54** Apakah tahap kebenaran dan keyakinan tentang ilmu pengetahuan?
- A *'ilm al-yakin*
  - B *'ain al-yakin*
  - C *haqq al-yakin*
  - D *sadqq al-yakin*
- S55** Apakah maksud ilmu Laduni?
- A Ilmu yang diperolehi melalui usaha dan proses pembelajaran
  - B Ilmu pemberian langsung dari Allah S.W.T. melalui ilham atau wahyu
  - C Ilmu muqaddimah untuk memahami kandungan al-Quran dan al-Sunnah
  - D Ilmu yang berkaitan dengan akidah dan ibadah-ibadah wajib yang perlu ditunaikan
- S56** Apakah maksud ilmu dalam falsafah Islam?
- I Sesuatu yang ada hubungan dengan Tuhan
  - II Ia merangkumi aspek lahiriah dan batiniah
  - III Segala sesuatu yang datang daripada Allah S.W.T.
  - IV Mempunyai ikatan tauhid yang tidak terputus dengan penciptanya
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C I, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV
- S57** Apakah kelebihan menuntut ilmu dalam Islam.
- I Menjamin kesempurnaan ibadah yang dilakukan
  - II Membentuk keperibadian dan akhlak yang mulia
  - III Mengangkat darjat seseorang manusia di sisi Allah S.W.T. dan masyarakat
  - IV Melatih manusia supaya hidup dalam kelompok berdasarkan kepakaran ilmu yang dimiliki
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

- S58** Apakah yang menunjukkan maksud sebenar sekularisme?
- A Fahaman yang menggabungkan kehidupan dunia dan akhirat
  - B Fahaman yang mementingkan kehidupan beragama semata-mata
  - C Fahaman yang memisahkan kehidupan dunia dengan akhirat dalam semua aspek
  - D Fahaman yang menerima sebahagian nilai-nilai keagamaan dalam kehidupan sosial manusia
- S59** Apakah tujuan utama fahaman sekularisme?
- A Menyatukan kehidupan manusia supaya mencintai keamanan
  - B Menyatukan kehidupan manusia supaya mencari kekayaan dan kemewahan hidup
  - C Menyatukan kehidupan manusia supaya tidak percaya kepada Tuhan, kitab dan hari kiamat
  - D Menyatukan kehidupan manusia supaya sentiasa mengimbangi kehidupan di dunia dan akhirat
- S60** Kenapakah pihak gereja Barat pada kurun ke-14M menganggap ilmu pengetahuan dari sumber selain dari mereka adalah bahaya?
- I Kerana ilmu yang membawa kemajuan datang dari orang-orang Islam
  - II Kerana cerdikiawan Eropah yang balik membawa Ilmu dari orang Islam suka bertutur dalam bahasa Arab
  - III Kerana kebanyakan murid-murid dari Eropah yang hendak belajar ilmu hanya boleh didapati di universiti Islam di Sepanyol
  - IV Kerana ilmu yang diperolehi dari orang-orang Islam dapat membina masyarakat Eropah menjadi lebih maju dan bertamadun
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV
- S61** Apakah perkataan sekular dalam bahasa Arab?
- A *al-'Ilmiyah*
  - B *al-Amaniyah*
  - C *al-Ihsaniyyah*
  - D *al-'Almaniyah*



- S62** Manakah pernyataan yang tidak menjelaskan prinsip sekularisme menurut Syed Naquib al-Attas?
- A Aliran ini hendak memperbaiki hidup insan dengan cara material sahaja
  - B Menyatakan kebenaran keduniaan adalah terbebas dari ajaran wahyu dan kenabian
  - C Gabungan di antara agama dan nilai kerohanian dengan pemerintahan dan kehidupan keduniaan
  - D Ilmu sekular bebas dari prinsip-prinsip dan disiplin ilmu itu sendiri dan ia boleh diuji melalui fikiran dan pengalaman
- S63** Apakah asal perkataan sains?
- A Scientia dari bahasa Latin
  - B Scientria dari bahasa Turki
  - C Scientia dari bahasa Inggeris
  - D Scientiacos dari bahasa Sepanyol
- S64** Apakah maksud perkataan *scientia*?
- A Pengetahuan saintifik tentang kejadian manusia
  - B Pengetahuan terhadap ujikaji makmal dan prosesnya
  - C Pengetahuan atau tahap kemahiran seseorang dalam ilmu sains
  - D Pengetahuan atau tahap keadaan tahunya seseorang terhadap fenomena alam
- S65** Apakah pengertian sains menurut *The Oxford English Dictionary*?
- A Pengetahuan yang bersistem dan terumus
  - B Pengetahuan yang saintifik tetapi tidak bersistem
  - C Pengetahuan yang tidak bersistem tetapi saintifik
  - D Pengetahuan yang mengutamakan uji kaji di dalam makmal
- S66** Apakah yang dikaji oleh Sains Tabii?
- A Tsunami
  - B Kejadian manusia
  - C Kejuruteraan elektrik
  - D Bahasa dan komunikasi

Soalan 67 berdasarkan Pernyataan 3.

**Pernyataan 3**

“Kajian yang lebih menekankan kepada keperluan jangka pendek dan jangka panjang untuk menghasilkan pengeluaran dalam bidang yang mempunyai nilai amali yang tinggi”

**S67** Apakah sains yang dijelaskan dalam Pernyataan 3 di atas?

- A Sains Tabii
- B Sains Sosial
- C Sains Gunaan
- D Sains Kejuruteraan Mekanikal

**S68** Apakah tiga kategori ilmu sains?

- A Sains Tabii, Sains Gunaan dan Sains Sosial
- B Sains Tulen, Sains Sosial dan Sains Gunaan
- C Sains Tabii, Sains Komputer dan Sains Gunaan
- D Sains Tabii, Sains Tulen dan Sains Kejuruteraan

**S69** Apakah dua kaedah utama yang menjadi asas ilmu sains?

- A Induksi dan deduksi
- B Rediasi dan reksiologi
- C Sistematis dan saintifik
- D Ujikaji dalam dan Inspirasi

Soalan 70 berdasarkan Pernyataan 4.

**Pernyataan 4**

‘Suatu kaedah sains untuk menyimpulkan fenomena alam yang diambil daripada kesimpulan umum dengan menggunakan kaedah *logical-positivism*’.

**S70** Apakah kaedah yang diterangkan dalam Pernyataan 4 di atas?

- A induksi
- B deduksi
- C rediaksi
- D saintifik



Soalan 71 berdasarkan Pernyataan 5.

**Pernyataan 5**

Al-Quran bukan sahaja kitab ilmu pengetahuan, namun di dalamnya terdapat sejumlah ayat menunjukkan kebenaran pembuktian sains

**S71** Apakah maksud Pernyataan 5 di atas?

- A Hubungan antara sains dengan al-Quran
- B Pertemuan antara ayat-ayat *kauniyat* dan Sunnah rasul
- C Percanggahan antara penemuan sains dan ayat-ayat *kauniyat*
- D Pembuktian sains yang selalu mendapat sokongan dari ayat al-Quran

**S72** Mengapakah pertembungan antara sains dan al-Quran tidak akan berlaku?

- A Kedua-duanya bersumber dari Allah
- B Sains selari dengan kehendak al-Quran
- C Al-Quran sentiasa menyesuaikan diri dengan penemuan sains
- D Sains dan al-Quran sentiasa berganding bahu dalam menyelesaikan persoalan umat

Soalan 73 berdasarkan Pernyataan 6.

**Pernyataan 6**

"Dia menjadikan kamu dalam perut ibumu kejadian demi kejadian dalam tiga kegelapan. Yang (berbuat) demikian itu adalah Allah, Tuhan kamu, Tuhan yang mempunyai kerajaan. Tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) selain Dia; maka bagaimana kamu dapat dipalingkan?" (Al-Quran, 39:6)

**S73** Apakah kaitan antara al-Quran dan sains berdasarkan Pernyataan 6 di atas?

- A Penipisan ozon
- B Perkembangan janin di dalam kandungan
- C Cap jari manusia sebagai tanda pengenalan
- D Matahari dan bumi sentiasa berjalan di atas paksinya

Soalan 74 berdasarkan Pernyataan 7.

**Pernyataan 7**

"Adakah manusia mengira bahawa kami tidak akan mengumpulkan kembali tulang belulang mereka. Bukan demikian, kami mampu menyusun jari jemari mereka dengan sempurna" (Al-Qiyamah:3-4)

- S74** Apakah yang dinyatakan oleh Pernyataan 7 di atas?
- A Penipisan ozon
  - B Perkembangan janin dalam kandungan
  - C Cap jari manusia sebagai tanda pengenalan
  - D Matahari dan bumi sentiasa berjalan di atas paksinya
- S75** Manakah yang tidak menjelaskan tentang fungsi atmosfera yang disebutkan dalam al-Quran?
- A Memproses berlakunya hujan
  - B Membezakan kadar oksigen di setiap lapisan bumi
  - C Mengembalikan sinar ultra violet yang merosakkan kulit
  - D Mengumpulkan oksigen untuk diagihkan kepada seluruh makhluk hidup
- S76** Apakah tahap-tahap perkembangan bayi dalam janin?
- A Pre-embrionik, embrionik dan fetus
  - B Pre-embrionik, embrionik dan zulmah
  - C Pre-embrionik, embrionik dan zulumat
  - D Pre-embrionik, embrionik dan fetrustus
- S77** Apakah sebab utama ramai saintis bukan Islam memeluk agama Islam?
- A Terdapat persamaan antara sains moden dengan sains Islam
  - B Terdapat pertemuan antara sains dengan kehendak al-Quran
  - C Terdapat persamaan antara sains al-Quran dengan sains Islam
  - D Terdapat pertemuan antara kehendak wahyu dengan sunnatullah

S78 Apakah pernyataan yang dikaitkan dengan maksud moral?

- I Amalan
- II Perbuatan
- III Tingkah laku
- IV Nilai-nilai yang baik dan buruk dalam sesuatu masyarakat

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C I, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S79 Apakah yang dimaksudkan dengan etika?

- I Etika berasal daripada perkataan *ethos* yang merujuk kepada “perlakuan seseorang”
- II Satu disiplin atau peraturan yang menentukan sama ada sesuatu perbuatan itu baik atau buruk
- III Satu disiplin yang dapat memberi maklumat kepada kita apakah sistem moral yang diamalkan oleh kelompok tertentu
- IV Satu set peraturan tetap yang diwujudkan sebagai panduan kepada manusia untuk menjamin kehidupan yang aman dan harmoni

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C I, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S80 Manakah pernyataan yang menjelaskan tentang hubungan akidah ketuhanan dengan akhlak, moral dan etika?

- I Akidah, syariah dan akhlak mempunyai hubungan yang sangat rapat
- II Akidah berperanan besar dalam membentuk keperibadian unggul dan mulia
- III Keyakinan yang teguh bahawa Allah S.W.T Maha Melihat segala perbuatan manusia mampu menghalang mereka daripada melakukan perbuatan maksiat
- IV Ibadah seperti solat, membaca al-Quran, berzikir dan berpuasa mampu mendidik hati manusia untuk ingat kepada kekuasaan, keperkasaan dan kehebatan Allah

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

**-SOALAN TAMAT-**